



BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE DIVISION
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
Blok E, Jalan Cenderasari
50590 KUALA LUMPUR



Tel : 603 - 2698 5077/22798100

Faks (Fax): 603 - 26911259

Laman Web (Web): <http://tcm.moh.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj.Kami : KKM.600-14/17/1 Jld. 3 (15)

Tarikh : 8 November 2018

Dr. Furizat Yahya

Setiausaha Agong

Persatuan Pengamal Perubatan Alami, Malaysia

No. 5B, First Floor, Jalan 1/11A, Section 1

Taman Kinrara, Puchong

47100 SELANGOR

Tuan,

CADANGAN PENETAPAN BADAN PENGAMAL NATUROPATI SEBAGAI BADAN AMALAN YANG DIKTIRAF DAN PELANTIKAN PAKAR NATUROPATI DALAM KOMPONEN WAKIL MAJLIS PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI YANG DITUBUHKAN DI BAWAH SEKSYEN 4,6 DAN 20 AKTA 775, AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan yang bertarikh 17 Oktober 2018.

2. Seperti yang tuan sedia maklum, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775] telah mula dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2016. Namun, penguatkuasaan Akta tersebut adalah secara berfasa. Pada fasa pertama kini, seksyen yang dikuatkuasakan melibatkan penubuhan Majlis PT&K, mengenalpasti bidang amalan untuk diiktirafkan, mengenalpasti badan pengamal yang ditetapkan dan kuasa Menteri untuk membuat peraturan. Fasa kedua pula akan melibatkan penetapan tarikh untuk penguatkuasaan seksyen yang berkaitan dengan pendaftaran pengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf. Fasa terakhir pula adalah penguatkuasaan penuh Akta ini. Proses pendaftaran bagi pengamal PT&K akan bermula pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh YB Menteri Kesihatan kelak.

3. Sehubungan itu, Akta 775 ini hanya mengawalselia amalan dan pengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf sahaja. Berdasarkan Perintah PT&K (Bidang Amalan Diiktiraf) 2017 yang diwartakan pada 8 Julai 2017 dan dikuatkuasakan bermula 1 Ogos 2017, bidang amalan yang diiktiraf adalah Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina,

.../2-

Received on
14/11
- JWS

Perubatan Tradisional India, Homeopati, Kiropraktik, Osteopati dan Amalan Pengubatan Islam.

4. Melalui Perintah PT&K (Penetapan Badan Pengamal) 2017 yang berkuatkuasa bagi tempoh dari 1 Ogos 2017 hingga 31 Julai 2019, YB Menteri Kesihatan telah menetapkan Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu (GAPERMA), Persatuan Tabib Tionghoa Malaysia (MCMA), Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM), Majlis Pertubuhan Homeopathy Malaysia (MPHM), Gabungan Pertubuhan Perubatan Komplementari dan Alami Malaysia (FCNMAM) dan Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa') sebagai badan pengamal yang ditetapkan bagi bidang amalan yang diiktiraf bagi melaksanakan fungsi yang diwakilkan di bawah subseksyen 17(1) Akta dan fungsi lain di bawah Akta.

5. Pada ketika ini keanggotaan Majlis PT&K telahpun diputuskan oleh YB Menteri Kesihatan. Di bawah kategori keahlian individu daripada amalan swasta yang mewakili badan pengamal PT&K yang ditetapkan di Malaysia, 6 daripada 8 kekosongan telah diisi setakat ini. Untuk makluman, amalan Naturopati yang tergolong di bawah perubatan komplementari bukan merupakan satu bidang amalan diiktiraf ketika ini. Anggota Majlis daripada FCNMAM kini mewakili bidang-bidang perubatan komplementari yang telah diiktiraf setakat ini.

6. Majlis PT&K akan menentukan kriteria-kriteria bidang amalan PT&K yang lain untuk dipertimbangkan sebagai bidang amalan yang diiktiraf. Kriteria tersebut akan dimaklumkan kepada umum apabila diputuskan kelak. Bidang amalan yang belum diiktiraf akan diberi peluang untuk memohon pengiktirafan pada masa akan datang. Oleh itu, mana-mana pengamal yang ingin mengamalkan sesuatu amalan yang belum diiktiraf di bawah Akta 775 ketika ini adalah dinasihatkan untuk mengamalkan secara beretika dan selamat.

Sekian, harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR GOH CHENG SOON)

Pengarah

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

Kementerian Kesihatan Malaysia

s/k:

Encik Mohd Hamidi Abu Bakar
Setiausaha Sulit Kanan Menteri Kesihatan Malaysia
Pejabat Menteri Kesihatan Malaysia

Dr Dyanan Puvanandran
Setiausaha
Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia